



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

PERATURAN PEMARKAHAN

**BAHASA MELAYU KERTAS 2
1103/2**

**MODUL KECEMERLANGAN SPM 2024
SET 1**

MARKAH PENUH: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** dibahagikan kepada;

Soalan 1 :	8 markah
Soalan 2 :	6 markah
Soalan 3 :	11 markah
Soalan 4 :	6 markah
Soalan 5 :	4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bilangan telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata bilangan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata bilangan yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata bilangan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Bilangan

- (i) berabad-abad
- (ii) berbagai-bagai
- (iii) beberapa
- (iv) satu
- (v) sebahagian
- (vi) masing-masing

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2: Sintaksis (Gabungkan Ayat)

Berikan **2 markah** bagi setiap ayat gabungan yang menggunakan kata hubung yang sesuai.

1. Kebanyakan pulau di negara ini masih terpelihara alam semula jadinya **kerana** kerajaan menggazetkannya sebagai Taman Laut Negara.
2. Penubuhan taman laut bertujuan melindungi pelbagai habitat **dan/serta** hidupan marin akuatik.
3. Ketua Pengarah Perikanan berkata usaha-usaha memupuk kesedaran tentang penjagaan laut mulai menampakkan hasil **apabila** taman laut menjadi pilihan utama pelancong bagi menikmati sendiri keindahan dasar laut **sekali gus** menjadi penyumbang terbesar dalam industri pelancongan negara

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Bahan 1

1. baru	-	baharu
2. khidmat pesanan ringkas	-	Khidmat Pesanan Ringkas
3. di dalam	-	dalam
4. bahasa laras	-	laras bahasa
5. dielakan	-	dielakkan
6. teguran	-	sapaan
7. mengelakan	-	mengelakkan
8. terus	-	segera
9. respon	-	respons

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

1. peka	-	bijak
2. antara lain-lainnya	-	antara lainnya
3. asas	-	utama
4. adalah	-	ialah
5. paling penting sekali	-	paling penting/penting sekali
6. semua orang pelajar	-	semua pelajar
7. bukan	-	tidak
8. penganguran	-	pengangguran

[Maksimum : 5 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>gramatis</i>	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan (Campur aduk)	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Bentara itu.”

Maka titah Seri Betara, “ Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun berlayarlah.

[4 markah]

Sembah Kertala Sari, “ Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baik segera menghantar patik ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik dapat mengerjakan titah paduka Bentara itu dengan segera.

Titah Seri Betara, “Wahai Patih Gajah Mada, hantar Kertala Sari ke Melaka dengan segera.” Patih Gajah Mada menyediakan sebuah perahu berserta sepuluh orang pengikut pergi bersamanya. Setelah siap semua kelengkapan, Kertala Sari mula berlayar.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa hampir sama maksud

(i) bagai aur dengan tebing	1
bagai isi dengan kuku/bagai dakwat dengan kertas	1
(ii) cepat kaki ringan tangan	1
ringan tulang/habis kapak berganti beliung	1
(iii) jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya	1
Berakit-rakit ke hulu berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian/pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang/ usaha tangga kejayaan	1
(iv) bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	1
Bulat kata/Muafakat membawa berkat	1

[Maksimum : 6 markah]

Nota : Jawapan tidak semestinya mengikut urutan

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: **12** markah

Soalan 7: **13** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi)/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi)/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi)/menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi)/ menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi)/menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	22
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

5. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi)/ relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak cukup (1 isi)/ ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud	Markah
- membangkitkan/ menggerakkan keupayaan/ kemampuan/ kebolehan/ kekuatan	2
- membangkitkan/ menggerakkan <i>potensi</i>	1
- <i>membangunkan</i> keupayaan/ kemampuan/ kebolehan/ kekuatan	1

(ii) Masalah-masalah

Bahan 1

P1 kebanyakan majlis sukan negeri tidak mempunyai kemudahan sukan

P2 sering menghadapi masalah kewangan

P3 atlet muda sering terpalit dengan isu 'doping'

P4 amalan rasuah

Bahan 2

P5 wujudnya masalah kerenah birokrasi dalam kepimpinan persatuan sukan

P6 terdapat segelintir anak muda yang tidak berdisiplin

P7 atlet negara juga tidak mempunyai daya saing yang tinggi

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Faedah-faedah

P1 menyihatkan tubuh badan

P2 mengisi masa lapang dengan cara yang bermanfaat

P3 mencungkil bakat murid

P4 memupuk perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang kaum

P5 meningkatkan disiplin murid

(Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan saya

P1 memberi contoh yang baik kepada rakan-rakan

P2 memberitahu faedah melibatkan diri dalam bidang sukan

P3 mengenal pasti rakan-rakan yang berbakat dalam bidang sukan

P4 mengajak mereka menyertai pertandingan sukan peringkat sekolah/daerah

P5 memberikan informasi tentang aktiviti sukan/kejayaan rakan sekolah lain

P6 mengesyorkan pertandingan sukan kepada pihak sekolah

P7 mengesyorkan pihak sekolah menyediakan kemudahan dan peralatan sukan

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

(i) Sebab-sebab

Bahan 2

- P1 sikap rakus/tamak manusia
- P2 manusia tidak mempunyai ilmu tentang alam
- P3 mementingkan pembangunan
- P4 tidak mepedulikan alam

[maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Kesan-kesan

Bahan 1

- P1 hutan dara itu telah ternoda
- P2 hutan itu telanjang polos
- P3 yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul mati

Bahan 2

- P4 pancaran matahari menjadi suram
- P5 daun-daun pokok mula menguning
- P6 bukit-bukit menjadi gondol
- P7 aliran sungai tersekat/terhalang dengan lumpur

Bahan 3

- P8 menyebabkan bencana alam
- P9 mengganggu habitat fauna/hidupan
- P10 menjejaskan ekonomi penduduk

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]



(iii) Peranan pelbagai pihak

- P1 kerajaanewartakan kawasan hutan sebagai kawasan hutan simpan kekal/taman negara
- P2 kerajaan mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan hutan secara berterusan
- P3 kerajaan menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemusnahan hutan secara tegas dan telus
- P4 ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan hutan sejak kecil
- P5 ibu bapa menjadi suri teladan yang baik dengan mempamerkan tingkah laku yang baik ketika melakukan aktiviti di kawasan hutan
- P6 media massa menayangkan dokumentasi yang bermaklumat tentang kepentingan memelihara hutan

(Kepentingan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 melaporkan kepada pihak berkuasa
- P2 mengambil gambar/merakam video sebagai bukti
- P3 menularkan/menghebahkan kejadian melalui media sosial
- P4 membantu/menyokong kerajaan menjayakan kempen kesedaran penjagaan hutan
- P5 bersedia menjadi saksi/memberi maklumat jika diperlukan
- P6 menulis e-mel/surat aduan kepada kementerian berkaitan
- P7 mencadangkan NGO/wartawan membuat liputan akhbar/berita

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

(i) Reaksi penonton

P1 tepukan yang gemuruh

P2 ada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari dengan linangan air mata

P3 dia(Lazim) juga sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang kepada Haiqal dan See Hwa

P4 beliau (YB Saiful Azizi) begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal

P5 tiga susuk manusia yang cukup dikenalnya (mereka) berdiri di bahagian belakang balai tempat duduk penonton sambil tersenyum

[maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

Panduan Pemarkahan Bagi Soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel: 6 markah

(a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.

(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.

(c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul.

(d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap/ jelas bagi setiap peristiwa.

(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)

(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.

(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 6 markah]

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

(ii) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang menunjukkan kejayaan bagi setiap novel.

JENDELA MENGHADAP JALAN karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa Lili dan Puan Hamimah telah berjaya menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang dialami oleh Che Jah. Che Jah dan anak-anaknya selalu dipukul oleh Seman. Seman merupakan seorang pemabuk dan kaki judi.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan apabila akhirnya Seman telah ditangkap oleh pihak berkuasa.

2. Peristiwa Lili, Danel dan Geetha yang telah berjaya menyelesaikan isu kubah surau. Mereka telah memberikan cadangan kepada penduduk kampung agar membina masjid berbanding memasang kubah di atas surau.

Huraian : Peristiwa menunjukkan kejayaan kerana masalah kubah surau yang sekian lama akhirnya telah diselesaikan kerana penduduk kampung akhirnya bersetuju membina masjid.

3. Peristiwa Danel berjaya menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafik dan disembunyikan di sebuah pondok usang di dalam hutan.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan Danel menyelamatkan diri daripada diapa-apakan oleh penculiknya.

4. Peristiwa Lili yang berjaya menguasai pelbagai bahasa, iaitu bahasa Inggeris, Cina, Thailand, Jepun dan Latin.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana ketekunan Lili berusaha sehingga berjaya menguasai lebih daripada satu bahasa.

5. Peristiwa Lili berjaya merungkai alasan jendela rumah-rumah di Kampung Sentosa menghadap jalan setelah mendengar penerangan nenek.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana Lili berjaya merungkai persoalan yang ingin diketahui alasannya.

SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairudin Ayip

1. Peristiwa Haji Sulaiman yang berjaya mengubah sikap penduduk kampung. Haji Sulaiman telah menyeru agar penduduk kampung memupuk kembali semangat bekerjasama, tolong-menolong dan berbudi bahasa yang semakin pudar dalam kalangan masyarakat.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan apabila penduduk kampung bergotong-royong membina semula rumah keluarga Dahlia yang musnah akibat banjir.

2. Peristiwa ialah peristiwa Dahlia yang berjaya menyambung pelajaran ke Jepun. Cikgu Daim telah membawa berita gembira apabila Dahlia terpilih untuk mengikuti pengajian di Jepun selama empat tahun. Sebelum ke Jepun, Dahlia perlu mengikuti kursus bahasa Jepun di Universiti Malaya selama enam bulan.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana setelah pelbagai dugaan hidup dihadapai oleh Dahlia sehingga dia terpaksa keluar asrama, akhirnya dia berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

3. Peristiwa Embong mementingkan pelajaran anak-anaknya dan memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang baik walaupun hidup dalam kemiskinan. Embong berjaya menghalang Dahlia daripada berhenti sekolah.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana Embong berjaya menerapkan kepentingan pelajaran dalam kehidupan kepada Dahlia.

4. Peristiwa Embong berjaya melepaskan dirinya daripada dibelit oleh ular sawa dan berjaya membunuh ular tersebut semasa membersihkan kebun kelapa sawit di Kampung Parit Haji Kadir.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana Embong berjaya melepaskan diri daripada bahaya yang hampir meragut nyawanya.

5. Peristiwa Nek Kiah insaf atas segala perbuatan buruknya terhadap keluarga Dahlia setelah melihat kebaikan Dahlia menjaganya semasa terlantar sakit di hospital.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kejayaan kerana dengan sikap baik dan sabar Dahlia berjaya mengubah sikap dan perbuatan buruk Nek Kiah.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- | | | |
|------------|---|------------------|
| (a) Isi | – | 20 markah |
| (b) Bahasa | – | 10 markah |

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas / peribahasa
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi		Bilangan Isi Diterima (8 Isi Lengkap)										Markah Maksimum
(i) Pendahuluan													2
(ii) Isi Bahan 1													16
Fokus 1 (Kelebihan)	3	3	2	2	1	1							
Fokus 2 (Peranan)	4	2	3	2	2	2							
(iii) Isi Bahan 2													
Fokus 1 (Kepentingan)	1	1	1	1	2	1							
Fokus 2 (Peranan)	1	1	1	1	1	1							
(iii) Isi Bahan 3													
Fokus 2 (Peranan)	3	1	1	2	2	3							
(iv) Penutup/Kesimpulan													2
Jumlah Markah													20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan

Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

P1	... membincangkan kelebihan/ kebaikan/faedah sekolah berasrama/ menjadi pelajar asrama/ menjadi pelajar sekolah berasrama dan tanggungjawab/peranan/ tugas pelajar asrama/pelajar yang tinggal di asrama/	2
P2	... membincangkan kelebihan/ kebaikan/faedah sekolah berasrama/ menjadi pelajar asrama/ menjadi pelajar sekolah berasrama	1
P3	... membincangkan tanggungjawab/peranan/ tugas pelajar asrama/pelajar yang tinggal di asrama	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1 : Kelebihan/ kebaikan/faedah sekolah berasrama /pelajar asrama/ pelajar sekolah berasrama****Bahan 1**

A1	Mereka mempunyai masa yang lebih untuk mengulang kaji pelajaran, melakukan kerja-kerja sekolah dan belajar.	2
A2	Sekolah berasrama juga membolehkan seseorang pelajar menjadi lebih berdikari.	2
A3	Pelajar dapat memperkuat keterampilan mereka dari segi sosial dan emosional dalam mempertahankan diri mereka daripada gejala negatif.	2

Bahan 2

B1	Dapat bergaul dengan rakan-rakan daripada kaum lain	2
----	---	---

FOKUS 1: Tanggungjawab / Peranan/ Tugas pelajar asrama/ pelajar yang tinggal di asrama

Bahan 1

C1	Pelajar yang tinggal di asrama mestilah belajar menguruskan masa mereka dengan sebaiknya	2
C2	Mereka juga bertanggungjawab untuk menguruskan wang saku mereka	2
C3	Para pelajar perlulah mengelakkan diri daripada berkawan dengan rakan-rakan yang mengamalkan tingkah laku berisiko.	2
C4	Seseorang itu sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam mengharungi kehidupan di asrama.	2

Bahan 2

D1	Murid-murid mesti menjayakan pelbagai aktiviti secara bersama-sama	2
----	--	---

Bahan 3

E1	Memastikan bilik sentiasa bersih	2
E2	Bertanggungjawab untuk menguruskan diri sendiri mengikut peraturan yang telah ditetapkan	2
E3	Kita mestilah membina hubungan yang baik bersama rakan-rakan terutamanya rakan sebilik.	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, sekolah berasrama perlu dijadikan pilihan agar modal insan dapat dikembangkan.	2
K2	Kesimpulannya, sekolah berasrama perlu dijadikan pilihan	1
K3	Kesimpulannya, pemilihan sekolah berasrama perlulah disokong untuk memperkembang potensi para pelajar.	2
K4	Kesimpulannya, sekolah berasrama perlulah ditambah	1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT